

Malaysia belum sedia iktiraf Israel

29 DEC 1993

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia belum bersedia mengiktiraf dan mewujudkan hubungan diplomatik dengan Israel kerana negara itu enggan merestui kewujudan sebuah negara Palestin yang merdeka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perjanjian damai di antara Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Israel yang ditandatangani Sepetember lalu, masih belum mencukupi bagi Malaysia mengiktiraf negara Yahudi itu.

Dalam perjanjian itu, katanya, walaupun Palestin diminta supaya tidak menggunakan keganasan, Israel tidak memberi pengakuan bahawa mereka juga tidak mengamalkan keganasan dalam mencapai matlamat.

"Jadi kita kena tunggu dulu sebelum dapat menemana (mengiktiraf) negara Israel," katanya kepada di akhir lawatan kerjanya ke

Angkasapuri, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai pendirian kerajaan berhubung kemajuan dalam perjanjian damai di antara PLO dan Israel serta tindakan beberapa negara Arab untuk mewujudkan hubungan diplomatik dengan Tel Aviv.

Terdahulu, dalam wawancara khas dengan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), Dr Mahathir berkata, walaupun ada negara Arab yang menjalin hubungan diplomatik dengan Israel, Malaysia belum sanggup berbuat demikian kerana masih banyak perkara yang perlu dilakukan oleh Israel.

Antara negara Arab yang berhasrat mewujudkan hubungan diplomatik dengan Israel ialah Jordan dan Syria.

Perdana Menteri berharap Israel akan dapat mengiktiraf kewujudan sebuah negara Palestin yang sah.

Menurutnya, perkembangan

dalam hubungan PLO-Israel itu adalah sesuatu yang menakjubkan kerana kedua-dua pihak memang bermusuhan sejak sekian lama.

"Tetapi kita juga harus ingat orang Arab dengan orang Arab sendiri lebih kuat bermusuhan berbanding orang Yahudi.

"Sebab itulah apabila perdamaian dicapai ada pihak yang tidak menyokong seolah-olah mereka mahu mengekalkan keadaan sengketa ini selamanya," katanya.

Ditanya mengenai langkah Israel yang melewati pengunduran dari wilayah yang diduduki di Bukit Golan dan Gaza, Dr Mahathir berkata walaupun ia mungkin disengajakan, di satu pihak lagi, pihak Arab (Palestin) masih menimbulkan kekacauan.

"Namun saya yakin mereka (Israel) akhirnya akan menarik diri," katanya.

Mengenai fungsi Pertu-

buhan Persidangan Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menangani konflik di Bosnia, beliau berkata OIC memang lemah dan tidak mampu mengambil sebarang tindakan, termasuk menghantar tentera.

Dr Mahathir berkata, masalah utama ialah sikap negara Barat yang tidak mahu melihat orang Islam Bosnia mendirikan kerajaan mereka sendiri sehingga sanggup membiarkan mereka dizalimi oleh Serb.

Menurutnya, tentera British sendiri mengutuk perbuatan kejam Serb itu tetapi kerajaan mereka gagal berbuat sesuatu.

"Kerajaan Barat menggunakan demokrasi dan hak asasi untuk kepentingan politik mereka sahaja. Kalau mereka suka kepada sesuatu pihak, walaupun melakukan pembunuhan dan merojol, ia dibenarkan sesuai dengan kepentingan me-

reka," katanya.

Mengenai kebangkitan rakyat Islam Bosnia, termasuk Croatia untuk menentang tentera Serb, Dr Mahathir berkata walaupun mereka bersemangat, mereka dihalang daripada mendapat bekalan senjata.

"Sekatan dan embargo hanya menguntungkan Serb sedangkan orang Islam masih tidak mendapat senjata," katanya.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai perkembangan di Afrika Selatan selepas dasar apartheid dihapuskan.

Dalam hal ini, beliau berkata keadaan masih lagi rumit kerana perasaan yang terbentuk sejak sekian lama tidak mudah diubah.

"Saya percaya walaupun mereka dapat menghapuskan apartheid, kerjasama antara kulit putih dan kulit hitam serta sesama kulit hitam sendiri akan sukar dicapai dengan berkesan," katanya.